

NKF sambut Hari Buah Pinggang Sedunia

Sambutan di Hospital Pantai Ayer Keroh tingkat kesedaran pendermaan organ



Oleh Mohd Fahmi Mohamed Diah
bhnews@bharian.com.my

AYER KEROH: Yayasan Buah Pinggang Kebangsaan Malaysia (NKF) menganjurkan sambutan Hari Buah Pinggang Sedunia 2012 di Hospital Pantai Ayer Keroh, di sini, baru-baru ini, dalam usaha meningkatkan kesedaran orang ramai mengenai masalah berkenaan.

Hospital berkenaan dan negeri ini adalah lokasi kedua dipilih menganjurkan program bertemakan Donate Kidneys-for Life-Receive, selepas Johor Bahru, Seremban dan terakhir, di pusat beli belah One Utama, Damansara.

Sambutan Hari Buah Pinggang Sedunia tahun ini dianjurkan dengan kerjasama pelbagai pihak termasuk Kementerian Kesihatan, Pertubuhan Nephrologi Malaysia, Pusat Sumber Transplan Nasional (NTRC) dan NKF.

Konvoi membabitkan sebuah bas Unit Pemeriksaan Kesihatan NKF dan dua trak Program Menderma Secara Debit (DDDP) berada di lokasi sepanjang penganjuran. Turut memeriahkan program adalah penyeritaan 10 kereta antik daripada Kelab Volkswagen Beetle Malaysia.

Ketua Pegawai Eksekutif NKF, Chua Hong Wee, berkata program ini sebahagian cara mendekati orang ramai untuk mendapat sokongan dalam menjaga kebajikan pesakit buah pinggang di negara ini.

Selain itu, katanya, program berkenaan bagi memberi kesedaran kepada



ORANG ramai tidak melepaskan peluang melakukan pemeriksaan kesihatan secara percuma yang disediakan NKF di Hospital Pantai sempena sambutan Hari Buah Pinggang Sedunia 2012.

masyarakat pentingnya pendermaan organ kepada mereka yang memerlukan, selain mendapatkan keahlian di semua lokasi persinggahan untuk berikrar menjadi penderma organ apabila mereka sudah tiada nanti.

“Pelbagai aktiviti dijalankan untuk orang ramai termasuk permainan dan kuiz berkaitan pendermaan organ dan pemindahan buah pinggang dan pameran kesihatan.

“Selain itu, orang ramai juga ber-

peluang menjadi penderma organ dengan mengisi borang akuan beserta kad disediakan,” katanya.

Chua berkata, ketika ini terdapat lebih 15,000 pesakit dalam senarai menunggu pemindahan buah pinggang daripada penderma.

Beliau berharap kempen ini akan membawa harapan pesakit terutama di peringkat akhir kegagalan buah pinggang mereka.

“Masih ramai tidak menyedari se-

jak 1970-an hingga kini, hanya 360 kes pemindahan buah pinggang berjaya dilakukan dan masih ramai memerlukan buah pinggang baru untuk meneruskan kehidupan.

“Pesakit yang mempunyai masalah kegagalan buah pinggang perlu menjalani rawatan hemodialisis dan NKF sendiri berperanan memastikan semua pesakit berdaftar dengan kami mengikuti setiap rawatan pada masa ditetapkan,” katanya.